

TELE DRAMA *KHUNSA* (2024) DARI PERSPEKTIF ISLAM

HAFIZUL ARIFF BIN ABDUL RAHAN

Universiti Kebangsaan Malaysia

a193900@siswa.ukm.edu.my

NUR AFIFAH VANITHA BINTI ABDULLAH*

Universiti Kebangsaan Malaysia

nurafifah@ukm.edu.my

*Pengarang perantara

ABSTRAK

Tele drama *Khunsa* (2024) adalah drama bersiri Melayu pertama yang memaparkan watak khunsa sebagai protagonisnya. Tele drama ini mengemukakan permasalahan individu Khunsa dalam menjalani kehidupannya dalam sebuah masyarakat Melayu Islam. Sehubungan itu, makalah ini bertujuan mengkaji aspek akidah yang ingin disampaikan dalam drama *Khunsa* (2024) berdasarkan perspektif Islam. Makalah ini dihasilkan daripada kajian berbentuk penyelidikan asas dengan kaedah analisis kandungan sebagai alat kajian utama bagi mengumpul data. Sumber seperti buku, jurnal, majalah dan akhbar merupakan sumber sokongan bagi memperolehi data makalah ini. Kerangka analisis kajian ini disandarkan kepada perspektif Islam berteraskan Al-Quran dan as-Sunnah. Dapatan kajian ini adalah, tele drama ini sarat dengan mesej dakwah sepanjang fasa perkembangan watak protagonis, iaitu dari zaman kanak-kanak, remaja dan dewasa. Mesej dakwah dalam tele drama ini menfokuskan kepada aspek akidah iaitu keyakinan yang teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah, dan kepercayaan terhadap Qada' dan Qadar. Berdasarkan aspek keyakinan teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah, terdapat sebanyak tiga pecahan fasa yang memperlihatkan aspek berkenaan. Keseluruhan tele drama ini memaparkan beberapa watak yang secara jelas memperlihatkan kepercayaan teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah seperti watak Che Khun, Che Timah, Mak Long Hawa serta Wan Jusoh.

Kata Kunci: drama TV, kritikan filem, Khunsa, perspektif Islam, Shahrulzad Mohameddin

TELE DRAMA *KHUNSA* (2024) FROM AN ISLAMIC PERSPECTIVE

ABSTRACT

Khunsa (2024) is the first Malay serial tele drama to depict a bigendered individual as a protagonist. This tele drama portrays the struggle of a Khunsa facing life challenges in a Malay Muslim community. Thus, this article aims to study the aspects of faith that are conveyed in *Khunsa* (2024) based on an Islamic perspective. A fundamental research type was constructed to gather data, with content analysis as the main research tool. Data was obtained from sources such as books, journals, magazines and newspapers. The Islamic perspective based on the Al-Quran and as-Sunnah is employed as an analysis tool. The findings of this study is discussed based on the development of the protagonist character as a child, adolescent and adult. This tele drama contains da'wah messages. These messages are divided into two parts, namely a firm belief in the existence and

power of Allah, and belief in Qada' and Qadar. Based on the aspect of a firm belief in the existence and power of Allah, there are three phases that show the relevant aspects. Throughout the three phases, several characters clearly portray a firm belief in the existence and power of Allah, such as the characters of Che Khun, Che Timah, Mak Long Hawa and Wan Jusoh.

Keywords: TV drama, film criticism, Khunsa, Islamic perspective, Shahrulezad Mohameddin

PENGENALAN

Drama *Khunsa* merupakan sebuah tele drama yang telah memenangi anugerah antarabangsa di peringkat Asia Tenggara iaitu di *Asian Academy Creative Awards* 2024. Antara anugerah yang berjaya dimenangnya adalah kategori drama bersiri terbaik tahun 2024 dan kategori fiksiyen arahan terbaik tahun 2024 (*Asian Academy Creative Awards*, 2024). Drama *Khunsa* atau *KHUN:SA: Che Khun Che Nisa* (2024) merupakan sebuah drama terbitan *Radius One* yang diarahkan oleh Shahrulezad Mohameddin. Drama ini mula ditayangkan melalui saluran Astro Ria bermula 11 Mac 2024. Drama ini merupakan sebuah drama yang bertemakan kekeluargaan. Drama ini dibintangi oleh Azhan Rani, Sherry Alhadad, Rafique Iskandar, Mikael Noah dan lain-lain lagi (Georgie Joseph, 2024).

Drama ini adalah drama Melayu pertama yang mengemukakan isu berkaitan khunsa dalam masyarakat Melayu Muslim di Malaysia. Drama *Khunsa* (2024) merupakan sebuah drama yang mengisahkan tentang konflik kekeluargaan yang dialami oleh individu khunsa iaitu Che Khairun atau Che Nisa. Drama ini pada dasarnya mengisahkan pelbagai cabaran hidup yang muncul daripada keluarga dan masyarakat sekeliling yang terpaksa didepani oleh golongan khunsa dalam menangani kenyataan jantainya. Antara cabaran utama tersebut adalah menghadapi ketidakredaan bapa kandungnya terhadap takdir kelahiran bayi yang memiliki jantina khunsa. Tambahan pula, konflik yang muncul daripada perasaan benci dan dendam oleh kakak kandung dan ibu tirinya turut memuncakkan lagi isu terhadap drama ini. Sehubungan itu, pelbagai dimensi psikologi individu khunsa, ahli keluarga dan masyarakat sekelingnya dipaparkan dalam drama ini. Justru makalah ini bertujuan menjawab persoalan tentang aspek akidah yang ingin disampaikan dalam drama *Khunsa* dengan mengaplikasikan perspektif Islam.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Kajian lepas yang mengangkat tele drama *Khunsa* (2024) sebagai subjek kajian masih sangat terhad setakat ini. Namun begitu, terdapat beberapa penulisan lepas yang mengaplikasi pendekatan atau perspektif Islam yang boleh dijadikan panduan dalam kajian ini. Antara, penulisan-penulisan lepas yang meneliti perspektif Islam seperti kajian filem, drama, skrip drama serta novel.

Kajian yang dijalankan oleh Azean Idruwani Idrus dan Iffah Sakinah Othman (2023) dalam jurnal artikel berjudul *Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam Filem Mat Kilau* (2022) Menerusi Pendekatan Dakwah merupakan kajian filem yang berjaya ditemui. Kajian ini dilakukan bagi memperlihatkan bahawa filem mampu menjadi alat untuk mengembangkan nilai Islam yang berlandaskan al-Quran dan hadis yang membawa kebaikan kepada manusia. Fokus kajian tertumpu kepada peristiwa-peristiwa penting yang memperlihatkan kehadiran Pendekatan Dakwah dalam filem *Mat Kilau* (2022). Seterusnya, dapatan kajian mendapati adanya penerapan Islam seperti kepentingan masa, membantu orang yang dizalimi, sifat dengki, pemimpin ummah dan

larangan memfitnah. Oleh itu, didapati bahawa persamaan kajian oleh Azean Idruwani Idrus dan Iffah Sakinah Othman iaitu dari segi pengaplikasian pendekatan yang sama iaitu perspektif Islam menerusi Pendekatan Dakwah. Seterusnya, perbezaan antara kajian ini adalah bahan kajian yang digunakan. Azean Idruwani Idrus dan Iffah Sakinah Othman mengkaji perspektif Islam dalam filem *Mat Kilau* (2022) manakala kajian ini mengkaji perspektif Islam terhadap tele drama *Khunsa* (2024).

Kajian seterusnya adalah kajian tesis Ijazah Sarjana Muda yang telah dilakukan oleh Amirul Hisyam Mohd Suhaimin (2023) yang berjudul *Aspek Dakwah dalam Drama Nur* (2018) Karya Shahrulzad Mohameddin. Kajian ini dilaksanakan bagi menjawab segala persoalan tentang pergolakan dalam kalangan masyarakat khususnya yang beragama Islam serta konflik yang berlaku dalam institusi kekeluargaan. Dapatan kajian berdasarkan drama ini secara keseluruhannya sarat dengan mesej dan dakwah Islam. Mesej dakwah berdasarkan drama ini memfokuskan kepada tiga perkara utama, iaitu aspek akidah, syariah, dan akhlak. Aspek akidah yang diketengahkan berdasarkan drama ini iaitu keyakinan yang teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah SWT, perbuatan mensyirikkan Allah SWT dan kepercayaan qada' dan qadar. Seterusnya, aspek syariah pula memfokuskan tentang menjaga hubungan manusia dengan Allah SWT dan menjaga hubungan antara sesama manusia. Akhir sekali, aspek akhlak yang memfokuskan dua perkara utama iaitu adab dengan keluarga dan adab dengan masyarakat. Oleh itu, persamaan kajian oleh Amirul Hisyam Mohd Suhaimin iaitu kedua-dua kajian ini menggunakan pendekatan yang sama iaitu perspektif Islam menerusi aspek akidah sebagai aspek kajian. Perbezaan antara kajian ini pula adalah bahan atau subjek kajian yang digunakan. Amirul Hisyam Mohd Suhaimin mengkaji aspek dakwah dalam drama *Nur* (2018) manakala kajian ini mengkaji aspek akidah dalam tele drama *Khunsa* (2024).

Kajian oleh Che Abdullah Che Ya (2018) yang berjudul *Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu*, dilaksanakan bagi menjawab persoalan kepercayaan, keimanan serta penglibatan orang Melayu dalam dunia korporat. Penulisan ini mendapati pengarangnya mengaplikasi pelbagai teknik seperti dialog, monolog, imbas kembali termasuk juga mimpi dan perlambangan. Dapatan kajian ini adalah menfokuskan kepada beberapa faktor utama yang menggerakkan karya ini dan bagaimana karya ini dipertanggungjawabkan sebagai manifestasi kehidupan masyarakat Melayu. Antara faktor yang dibincangkan adalah alam sebagai sumber kehidupan masyarakat Melayu, sastera Melayu sebagai pembentukan akhlak, firasat dalam kehidupan masyarakat Melayu, karya sastera sebagai media dakwah serta sastera sebagai cerminan kehidupan masyarakat. Oleh itu, persamaan kajian oleh Che Abdullah Che Ya iaitu kedua-dua kajian ini menggunakan pendekatan yang sama iaitu perspektif Islam menerusi aspek akidah dan dakwah sebagai aspek kajian. Perbezaan antara kajian ini pula adalah bahan atau subjek kajian yang digunakan. Che Abdullah Che Ya mengkaji aspek dakwah dalam novel *Bedar Sukma Bisu (BSB)* manakala kajian ini mengkaji aspek akidah dalam tele drama *Khunsa* (2024).

Komunikasi Pelanggaran Adab: Satu Analisis Konsep Adab Al-Attas dalam Drama Ayam Jantan Ayam Betina oleh Roziah Adama dan Mas Rynna Wati Ahmad (2017), pula menumpukan permasalahan tentang masyarakat yang sering lupa untuk bertindak dalam batasan adab dan melakukan perkara yang sering bercanggah dengan agama Islam sehingga mengundang pelbagai permasalahan. Dapatan kajian ini memperincikan tentang pembicaraan adab yang merangkumi adab terhadap diri sendiri, adab terhadap orang lain, adab terhadap ilmu, adab terhadap alam tabii, adab terhadap alam kerohanian dan adab terhadap bahasa. Penulisan ini juga menfokuskan

pelanggaran adab seperti sikap materialistik, budaya pergaulan bebas, kebejatan komunikasi keluarga dan penolakan terhadap ilmu. Oleh itu, persamaan antara kedua-dua kajian ini adalah ianya mengaplikasikan pendekatan Islam atau perspektif Islam, manakala perbezaan adalah dari segi subjek kajian.

Che Abdullah Che Ya dan Hanapi Dollah (2012) dalam artikel bertajuk *Persoalan Islam dalam Karya Mana Sikana: Analisis Syajar dan Apa-apa*, membicarakan tentang pandangan Mana Sikana terhadap manusia dalam hubungannya dengan Allah berdasarkan novel *Syajar* dan skrip drama *Apa-apa*. Dapatan kajian ini membincangkan pegangan iman, kekayaan, kepatuhan, moral dan kematian. Ia juga memaparkan sikap manusia yang sentiasa menyeleweng daripada pegangan imannya dengan mengikut ajakan nafsu dan bisikan syaitan. Persamaan kajian yang dilakukan oleh Che Abdullah Che Ya dengan kajian ini adalah pengaplikasian perspektif Islam sebagai kerangka analisis, namun perbezaan antara kedua-dua kajian ini adalah subjek kajian.

METODOLOGI

Makalah ini dihasilkan daripada kajian berbentuk penyelidikan asas. Kaedah analisis kandungan adalah alat kajian utama yang diaplikasikan bagi mengumpul data. Sumber seperti buku, jurnal, majalah dan akhbar merupakan sumber sokongan bagi memperolehi data makalah ini. Analisis kandungan tele drama *Khunsa* dipecahkan kepada fasa kanak-kanak, remaja dan dewasa mengikut perspektif Islam berteraskan Al-Quran dan as-Sunnah yang menfokuskan kepada aspek akidah yang terbahagi kepada dua aspek utama iaitu keyakinan yang teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah dan kepercayaan terhadap Qada' dan Qadar.

Analisis kandungan dilakukan terhadap drama bersiri *Khunsa* yang ditayangkan pada 11 Mac 2024 yang mengandungi 28 episod. Durasi masa tayangan bagi setiap episod adalah selama 40 minit dan keseluruhan masa tayangan adalah sebanyak 1120 minit.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Secara umum, aspek akidah yang dipaparkan dalam drama *Khunsa* terbahagi kepada dua aspek utama iaitu berkaitan keyakinan teguh yang terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah dan kepercayaan terhadap Qada' dan Qadar. Kesemua aspek yang dibincangkan diperoleh melalui watak dan perwatakan yang dipaparkan menerusi drama *Khunsa* karya Shahrulzad Mohameddin. Penelitian terhadap watak dan perwatakan tersebut dibahagikan kepada beberapa kategori yang telah ditetapkan.

Keyakinan yang Teguh Terhadap Kewujudan dan Kekuasaan Allah

Berdasarkan drama *Khunsa*, keyakinan yang teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah merupakan antara aspek akidah yang banyak dipaparkan dalam drama ini. Hal ini kerana hampir setiap watak dan perwatakan sering memperlihatkan keyakinan yang teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah, walaupun ada segelintir yang tidak terlalu kelihatan. Aspek akidah ini dilihat menerusi lisan dan perbuatan watak-watak yang dipaparkan. Bukan itu sahaja, aspek keyakinan yang teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah diteliti menerusi dua pembahagian, iaitu contoh keseluruhan keyakinan yang teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah yang dipaparkan dalam drama ini dan contoh keyakinan yang teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah mengikut pecahan kategori yang ditetapkan.

Keyakinan yang Teguh Terhadap Kewujudan dan Kekuasaan Allah Secara Keseluruhan yang Dipaparkan dalam Drama *Khunsa*

Pengarah dan penulis drama iaitu Shahrulzad Mohameddin telah mewujudkan beberapa watak yang memaparkan aspek keyakinan teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah. Antara watak yang sentiasa memperlihatkan aspek keyakinan yang teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah adalah watak Mak Long Hawa. Beliau merupakan kakak kepada Wan Jusoh yang sentiasa mengambil berat terhadap keluarga adiknya itu terutama selepas kematian Munah, iaitu adik iparnya. Mak Long Hawa sentiasa memainkan peranannya sebagai seorang kakak dengan cara sentiasa menasihati adiknya yang degil yang sering membuat tindakan atau keputusan yang mahu dibuat oleh Wan Jusoh. Sebagai contoh, pada suatu hari, sebelum Wan Jusoh berangkat ke negara seberang untuk menjalankan pembedahan plastik terhadap anak khunsanya itu, Mak Long Hawa sempat menasihati adiknya itu berkaitan keputusan adiknya untuk melakukan pembedahan berkenaan.

Kejadian itu berjaya memperlihatkan bahawa Mak Long Hawa mempunyai keyakinan yang teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah. Hal ini dikatakan sedemikian kerana Mak Long Hawa menyatakan bahawa kelahiran Che Khun merupakan anugerah daripada Allah untuk adiknya itu. Beliau juga menyatakan bahawa Che Khun layak untuk menjalani hidup seperti manusia lain tanpa sebarang paksaan mahupun keputusan daripada sesiapa pun. Oleh itu, jelaslah bahawa Mak Long Hawa merupakan watak seorang hamba Allah yang patuh dengan ajaran dan akidah Islam.

Seterusnya, keyakinan yang teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah juga dipaparkan melalui watak Wan Jusoh. Umum mengetahui bahawa Wan Jusoh merupakan watak seorang ayah yang keras kepala, tegas dan garang terhadap anak-anaknya. Namun begitu, itu bukan alasan untuk Wan Jusoh tidak mendidik anak-anaknya dengan didikan agama yang baik. Wan Jusoh sentiasa mengajarkan nilai-nilai agama kepada anak-anaknya. Perkara ini dapat dilihat melalui kejadian apabila Wan Jusoh sering mengingatkan kepada anak-anaknya supaya sentiasa menghadiahkan bacaan Yassin kepada arwah emak mereka setelah selesai menunaikan solat. Bukan itu sahaja, beliau turut mendidik dan menggalakkan anak-anaknya untuk solat berjemaah dan sering memantau anak-anaknya bagi memastikan mereka solat dan membaca Yassin setelah usai menunaikan solat.

Melalui kejadian tersebut, ia memperlihatkan bahawa Wan Jusoh berpegang teguh dengan ajaran Islam. Beliau sentiasa mengingatkan anak-anaknya untuk membaca Yassin dan turut meniadakan permintaan Che Khun yang meminta izin untuk tidur dengan adik-beradiknya yang lain iaitu Kak Long dan Uda. Oleh itu, berdasarkan situasi tersebut, ia jelas memaparkan peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak berkaitan agama Islam.

Peristiwa lain yang memaparkan keyakinan yang teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah melalui drama ini adalah apabila watak Wan Jusoh sedang bercakap dengan anak sulungnya iaitu Che Timah. Wan Jusoh menyatakan bahawa Allah melakanat orang yang bukan lelaki dan bukan juga perempuan seperti Che Khun. Melalui peristiwa tersebut, ia menunjukkan bahawa Wan Jusoh mempunyai rasa takut dengan azab daripada Allah dan itu menjadi antara alasannya untuk mengubah jantina anaknya itu. Wan Jusoh peka terhadap nasib yang menimpa anak bongsunya itu. Beliau bertindak melakukan perkara sedemikian kerana beliau tidak mahu anaknya itu dilaknat dan diazab oleh Allah.

Keyakinan teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah juga ditunjukkan melalui watak Che Timah yang merupakan kakak sulong kepada Che Khun. Che Timah menjawab dan

menjelaskan kepada Che Khun berkaitan pengertian khunsa. Bukan itu sahaja, Che Timah juga menceritakan tentang kebesaran Allah kepada Che Khun bagi menjawab persoalannya. Berdasarkan kejadian tersebut, beliau jelas menyatakan kepada adiknya bahawa Allah merupakan Tuhan yang menciptakan seluruh makhluk di dunia ini. Allah berhak mencipta apa sahaja makhluk bersesuaian dengan keinginannya. Hal ini bertujuan bagi memperlihatkan kekuasaan dan kebesaran Allah kepada hamba-hambanya. Selain itu, melalui kejadian itu juga, Che Timah menjelaskan perasaan yakinnya terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah.

Seterusnya, keyakinan teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah juga dipaparkan ketika Che Khun sudah memasuki alam remaja. Pada ketika itu Che Khun berada di surau asramanya, beliau berseorangan dan berdoa kepada Allah supaya membantunya. Che Khun yang dahulunya boleh bergantung harap kepada kakak-kakaknya, kini beliau terpaksa hidup bersendirian dan berdikari di asrama. Oleh itu, beliau tiada tempat lain untuk meminta pertolongan dan mengadu nasib selain hanya kepada Allah SWT.

Berdasarkan kejadian tersebut, ia jelas memperlihatkan bahawa Che Khun masih mempunyai keyakinan yang teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah. Hal ini dikatakan sedemikian kerana watak Che Khun menunjukkan bahawa beliau seorang hamba yang gigih berdoa dan meminta pertolongan daripada Allah walaupun telah pelbagai ujian dan dugaan yang dilaluinya.

Keyakinan teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah lainnya dapat dilihat berdasarkan episod 19, iaitu ketika Along menjawab persoalan yang dilontarkan oleh Che Khun berkaitan nasib yang menimpa dirinya. Kejadian tersebut memperlihatkan watak Che Timah yang mempunyai keyakinan yang teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah. Hal ini dapat dibuktikan melalui segala ucapan dan jawapan yang dilontarkan oleh Che Timah kepada adiknya Che Khun. Jawapan tersebut memaparkan bahawa Che Timah merupakan seorang hamba yang sangat berpegang teguh dengan ajaran dan akidah Islam. Bukan itu sahaja, Che Timah juga cuba memperbetulkan tanggapan adiknya yang salah terhadap Allah. Oleh itu, jelaslah melalui episod ini, penonton dibawa untuk sentiasa bertanggapan baik terhadap segala ketentuan Allah.

Akhir sekali, keyakinan teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah dipaparkan melalui watak Che Nisa. Che Nisa yang dahulunya dikenali sebagai Che Khun kini telah menukar namanya dan memilih untuk menjalani hidup sebagai seorang wanita. Che Nisa tinggal bersama dengan anak angkatnya iaitu Ahmad dan hidup dalam serba kekurangan. Namun perkara tersebut tidak menghalang Che Nisa untuk mendekatkan diri dengan Allah. Hal ini dikatakan sedemikian kerana pada akhirnya beliau berjaya menerima seadanya segala ujian yang ditakdirkan untuk dirinya. Bukan itu sahaja, beliau juga sering menghabiskan banyak waktu di atas sejadah sambil mengadu nasib kepada Allah. Berdasarkan kejadian tersebut, ia menunjukkan bahawa Che Nisa telah kembali ke jalan Allah dengan cara sentiasa solat, berdoa dan bertawakkal kepada Allah.

Keyakinan yang Teguh Terhadap Kewujudan dan Kekuasaan Allah Mengikut Kategori (Kanak-kanak, remaja dan dewasa)

i. Fasa Kanak-kanak

Terdapat sebanyak tiga contoh dan kejadian yang terdapat dalam drama *Khunsa* yang memaparkan aspek keyakinan yang teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah semasa fasa kanak-kanak. Contoh-contoh tersebut diperlihatkan melalui beberapa watak seperti watak Mak Long Hawa, Wan Jusoh, Che Khun, Che Timah dan Che Ani. Kesemua watak tersebut memainkan peranan dalam

membuktikan keyakinan yang teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah semasa fasa kanak-kanak dalam drama *Khunsa*.

Umum mengetahui bahawa watak Mak Long Hawa merupakan seorang kakak yang sangat baik dan prihatin. Beliau sentiasa menasihati adiknya yang keras kepala itu terhadap sesebuah keputusan yang mahu dibuat oleh adiknya. Sebagai contoh, ketika Wan Jusoh mahu pergi ke negara Thailand untuk melakukan pembedahan plastik ke atas Che Khun. Mak Long Hawa sempat menasihati adiknya. Nasihat Mak Long Hawa dapat dibuktikan melalui episod satu drama *Khunsa*. Berdasarkan kejadian tersebut, jelas memperlihatkan bahawa Mak Long Hawa mempunyai keyakinan yang teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah. Hal ini dikatakan sedemikian kerana beliau menyatakan bahawa kelahiran Che Khun merupakan anugerah daripada Allah untuk adiknya itu. Oleh itu, jelaslah bahawa watak Mak Long Hawa merupakan watak seorang hamba Allah yang patuh dengan akidah Islam.

Seterusnya, keyakinan yang teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah juga dipaparkan melalui watak Wan Jusoh yang sentiasa mengajarkan nilai-nilai agama dan akidah Islam kepada anak-anaknya terutama berkaitan solat dan ibadah sunat. Perkara ini dipaparkan melalui dialong Wan Jusoh dengan Che Khun melalui episod tiga iaitu berkenaan bacaan Yassin. Bukan itu sahaja, pada waktu yang sama juga Che Khun sempat meminta izin kepada ayahnya untuk beliau tidur bersama dengan kakak-kakaknya yang lain. Namun setelah mengajukan pertanyaan tersebut, Wan Jusoh memberi jawapan kepada anaknya dengan nada suara yang agak kasar, akan tetapi terselit beberapa teguran dan nasihat berdasarkan ajaran Islam.

CHE KHUN:

Abah, boleh tak kalau malam ni adik tidur dengan along dan uda?

WAN JUSOH:

Dah kenapa pulak adik nak tidur dengan diaorang tu, adik kan lelaki, diaorang tu perempuan. Orang lelaki mana boleh tidur dengan Perempuan. Dah tak usah mengadadagadag, adik tidur macam biasa dengan abah dekat sini. Adik kena ingat, adik tu lelaki, kalau dulu abah boleh bagi sebab dulu adik kecil. Sekarang ini adik dah besar, adik kena tahu malu. Orang lelaki memang tak boleh tidur dengan orang perempuan, tahu?

WAN JUSOH:

Ni korang berdua ni dengar sini, lepas ni abah taknak dengar lagi dah korang ajak adik korang ni tidur dengan korang. Dah besar panjang tak kan tak boleh nak fikir lagi dah mana yang boleh mana yang tidak. Faham tu!

(Drama *Khunsa*, 2024:24:00)

Berdasarkan petikan dialog tersebut, memperlihatkan bahawa Wan Jusoh berpegang teguh dengan ajaran Islam. Beliau menolak permintaan Che Khun tersebut dengan sekeras hati. Bukan itu sahaja, beliau juga menasihati anak-anaknya agar tidak melakukan perkara yang dilarang dalam agama Islam. Oleh itu, tindakan Wan Jusoh tersebut memperlihatkan bahawa beliau merupakan seorang ayah yang mempunyai keyakinan yang teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah.

Seterusnya, perkara lain yang memaparkan keyakinan yang teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah adalah apabila Wan Jusoh sedang bercakap dengan anak sulungnya. Wan Jusoh menyatakan bahawa Allah melakanat orang seperti Che Khun. Kejadian tersebut memaparkan

bahawa Wan Jusoh mempunyai rasa takut dengan azab daripada Allah. Perkara ini dilihat melalui dialog Wan Jusoh menerusi episod enam:

WAN JUSOH:

Along dengar sini baik-baik. Abah tak bodoh, abah tak jahil. Abah tahu Allah tu laknat orang yang bukan lelaki dan bukan Perempuan macam adik kamu tu. Sebab itu abah tak nak anak-anak abah ini jadi golongan neraka, faham?

(Drama *Khunsa*, 2024:20:00)

Petikan tersebut jelas memperlihatkan bahawa Wan Jusoh masih mempunyai rasa yakin terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah. Hal ini dikatakan sedemikian kerana Wan Jusoh peka terhadap nasib yang menimpa anak bongsunya itu. Beliau bertindak melakukan perkara sedemikian kerana beliau tidak mahu anaknya itu dilaknat oleh Allah.

Disamping itu, keyakinan teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah juga ditunjukkan melalui watak Che Timah. Beliau menjelaskan kepada Che Khun berkaitan pengertian khunsa dan menceritakan tentang kebesaran Allah. Kata-kata Che Timah dapat dibuktikan melalui petikan dialog berikut yang terdapat dalam episod 10:

ALONG:

Along percaya yang Allah tak cipta dunia ini untuk lelaki dan perempuan sahaja. Allah berhak untuk cipta berjuta-juta jenis makhluk untuk jadi penghuni dia, termasuklah Khunsa. Allah cipta khunsa sebagai bukti kebesaran dan kehebatan dia. Dia tak pernah silap pun. Jadi adik, adik berhak hidup di dunia ini.

(Drama *Khunsa*, 2024:26:00)

Berdasarkan petikan tersebut, jelas menyatakan bahawa Allah merupakan tuhan yang menciptakan seluruh makhluk di dunia ini dan Allah berhak mencipta apa sahaja makhluk bersesuaian dengan keinginannya. Selain itu, Che Timah juga menjelaskan perasaan yakinnya terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah melalui penciptaan Allah terhadap pelbagai makhluk sebagai penghuni alam-Nya.

ii. Fasa Remaja

Terdapat dua contoh kejadian yang terdapat dalam drama *Khunsa* yang memaparkan aspek keyakinan yang teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah semasa fasa remaja. Contoh-contoh tersebut dipaparkan melalui beberapa watak seperti watak Che Khun dan Che Timah. Kesemua watak tersebut memainkan peranan dalam membuktikan keyakinan yang teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah semasa fasa remaja menerusi drama *Khunsa*.

Keyakinan teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah dipaparkan melalui watak Che Khun pada episod 15, iaitu ketika Che Khun sudah memasuki alam remaja. Pada ketika itu Che Khun berseorangan dan memohon doa kepada Allah. Che Khun yang dahulunya boleh bergantung harap kepada kakak-kakaknya, kini terpaksa hidup bersendirian dan berdikari. Oleh itu, beliau kelihatan seakan-akan kehilangan arah dan tidak mempunyai tempat lain untuk meminta pertolongan selain daripada kepada Allah SWT. Berdasarkan kejadian tersebut, jelas memperlihatkan bahawa Che Khun masih mempunyai keyakinan terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah. Hal ini dikatakan sedemikian kerana watak Che Khun menunjukkan bahawa

beliau seorang hamba yang bertakwa dengan cara tetap berdoa dan memohon pertolongan daripada Allah.

Selain itu, keyakinan teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah turut dapat dilihat berdasarkan episod 19, iaitu ketika Along (Che Timah) menjawab persoalan yang dilontarkan oleh Che Khun berkaitan nasib yang menyimpannya. Perkara ini dibuktikan melalui dialog berikut:

ALONG:

Adik, kalau dipandang dari sudut pandangan manusia, memang tak adil. Tapi kalau dipandang dari kacamata Tuhan, apa yang jadi dekat dalam hidup kita ini yang sudah ditetapkan di Luh Mahfuz, tersangatlah adil.

CHE KHUN:

Maksud Along?

ALONG

Maksud Along, sesuai dengan zat Allah maha berkuasa yang menentukan segala-galanya dekat dalam alam ini. Apa yang jadi dalam hidup kita ni tersangat-sangatlah adil, adik. Kalau Allah kata seminggu itu tujuh hari sahaja bukan lapan, adik bahagikan dua bahagian, satu adik dapat empat satu adik dapat tiga. Jadi adil tak?

(Drama *Khunsa*, 2024:40:00)

Berdasarkan petikan dialog tersebut, ia memperlihatkan watak seorang hamba Allah yang mempunyai keyakinan yang teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah. Hal ini dapat dibuktikan melalui segala ucapan dan jawapan yang dilontarkan oleh Che Timah kepada Che Khun. Jawapan tersebut memperlihatkan bahawa Che Timah merupakan seorang hamba yang berpegang teguh dengan ajaran dan akidah Islam. Bukan itu sahaja, Che Timah juga cuba memperbetulkan tanggapan adiknya yang salah terhadap Allah.

iii. Fasa Dewasa

Beralih kepada fasa dewasa, hanya terdapat satu contoh kejadian yang memaparkan aspek keyakinan yang teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah semasa fasa dewasa. Contoh tersebut dipaparkan melalui watak Che Khun.

Keyakinan teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah dipaparkan melalui watak Che Nisa. Umum mengetahui bahawa Che Nisa kini hanya tinggal bersama dengan anak angkatnya dan hidup dalam serba kekurangan. Namun perkara tersebut tidak menjadi penghalang baginya untuk mendekatkan diri dengan Allah. Hal ini dikatakan sedemikian kerana Che Nisa telah menerima seadanya segala ujian buat dirinya. Bukan itu sahaja, beliau juga lebih banyak menghabiskan masanya di atas sejadah sambil berdoa kepada Allah. Perkara ini dibuktikan melalui dialog Che Nisa semasa beliau berdoa pada episod 27:

CHE NISA:

Ya Allah ya Tuhanku, engkau ampunkanlah dosa anakku sekiranya perbuatan dia nampak zalim dimatamu ya Allah. Ahamd tak salah ya Allah, yang salah itu aku, sebab aku gagal untuk tunaikan semua janji aku. Dia tidak sengaja dan tidak bermaksud apa-apa

dengan kata-kata dia yang sudah mengguris hati aku, sebab ini salah aku yang asyik janji tapi tak pernah nak tunaikan janji aku kepada dia.

(Drama *Khunsa*, 2024:14:00)

Petikan dialog doa tersebut menunjukkan bahawa Che Nisa telah sepenuhnya kembali ke rahmat Allah tidak seperti dirinya ketika beliau masih muda dahulu. Beliau juga sentiasa berdoa, solat, mengaji dan mengadu nasib kepada Allah. Oleh itu, dialog tersebut juga nyata memperlihatkan watak Che Nisa yang masih mempunyai keyakinan teguh terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah.

Kepercayaan Terhadap Qada' dan Qadar

Beriman dengan qada' dan qadar bermaksud menerima segala ketentuan dan ketetapan Allah SWT dengan hati yang reda (Shahdan, 2022). Segala sesuatu yang terjadi di muka bumi ini adalah ketetapan Allah SWT termasuklah perkara yang baik mahu pun buruk. Oleh itu, sebagai seorang mukmin adalah sewajarnya menerima setiap ujian dan dugaan dari Allah SWT dengan hati yang terbuka serta tabah menghadapi segala rintangan. Bukan itu sahaja, seorang mukmin juga seharusnya bersangka baik dan yakin dengan setiap ujian melanda. Aspek ini dapat dikaitkan berdasarkan drama *Khunsa* yang memaparkan beberapa watak yang diperlihatkan secara jelas menerima dan juga tidak menerima ujian yang berlaku dalam hidupnya. Seterusnya, aspek kepercayaan kepada qada' dan qadar diteliti menerusi dua pembahagian, iaitu contoh keseluruhan kepercayaan qada' dan qadar yang dipaparkan dan contoh kepercayaan qada' dan qadar mengikut kategori yang ditetapkan.

Kepercayaan Terhadap Qada' dan Qadar Secara Keseluruhan yang Dipaparkan dalam Drama *Khunsa*

Pengarah drama *Khunsa* iaitu Shahrulzad Mohameddin telah mewujudkan pelbagai watak yang memaparkan aspek kepercayaan terhadap qada' dan qadar. Antara watak tersebut adalah watak Che Midah. Che Midah atau Mak Ngah Midah merupakan satu-satunya anak Wan Jusoh yang masih tidak boleh menerima ketentuan qada' dan qadar atas pemergian emak mereka setelah melahirkan Che Khun. Che Midah bukan sahaja menyalahkan Che Khun sebagai punca kematian ibunya, malah beliau juga turut menyimpan dendam terhadap Che Khun.

Kejadian pada episod satu memperlihatkan Che Midah begitu benci akan adik bongsunya itu sehingga sanggup mendoakan adiknya itu mati. Bukan itu sahaja, kebencian Che Midah juga diperlihatkan ketika mereka sekeluarga sedang makan malam bersama. Pada ketika itu, Wan Jusoh bertanyakan beberapa soalan kepada Che Midah berkaitan kematian emak mereka, lalu berlaku perbalahan di ruang makan tersebut. Che Midah sempat menyatakan apa yang terbuku di lubuk hatinya, namun tindakan itu menyebabkan dirinya ditampar oleh ayahnya. Oleh itu, jelaslah berdasarkan kedua-dua kejadian tersebut, memperlihatkan watak Che Midah yang masih tidak boleh menerima takdir atas kematian emaknya.

Seterusnya, perwatakan Wan Jusoh juga memperlihatkan perwatakan manusia yang tidak boleh menerima qada' dan qadar. Hal ini dikatakan sedemikian kerana Wan Jusoh tetap berdegil untuk membawa anaknya ke Thailand untuk melakukan pembedahan plastik bagi mengubah jantina bayi berkenaan. Setibanya di hospital tersebut, Wan Jusoh terus memberi sejumlah wang kepada doktor pakar berkenaan dan memintanya untuk membedah anaknya itu. Berdasarkan

kejadian tersebut, ia memperlihatkan watak Wan Jusoh merupakan seorang ayah yang ego dan pentingkan diri.

Selain itu, kejadian lain yang memaparkan aspek kepercayaan terhadap qada' dan qadar dilihat melalui watak Munah. Umum mengetahui bahawa Munah merupakan seorang ibu dan isteri yang baik. Justeru, setelah kematian Munah, Jusoh seakan-akan hilang arah dan petunjuk. Hal ini diperlihatkan apabila pada suatu malam ketika beliau sedang berehat di dalam kereta, Munah muncul ke dalam mimpinya. Munah sempat menasihati Wan Jusoh agar tidak menukar jantina anaknya itu kepada lelaki dan membiarkan sahaja anaknya itu sendiri menentukan jalan hidupnya. Menerusi kejadian tersebut, jelas memaparkan bahawa Munah merupakan seorang watak yang menerima ketentuan qada' dan qadar Allah melalui percakapannya yang menyatakan bahawa ajalnya adalah ketentuan Allah. Bukan itu sahaja, berdasarkan nasihat Munah kepada suaminya itu, ia memperlihatkan bahawa Munah menerima seadanya anak yang dikurniakan Allah kepada mereka tanpa mengira jantina sama ada lelaki mahupun perempuan.

Selain itu, watak Wan Jusoh sekali lagi memperlihatkan perwatakan manusia yang sukar untuk mempercayai qada' dan qadar. Hal ini dikatakan sedemikian kerana Wan Jusoh masih seakan-akan tidak mempercayai qada' dan qadar apabila beliau bertindak menumbuk muka seorang doktor yang telah memberi rawatan kepada Che Khun di hadapan sebuah klinik. Perkara ini berlaku kerana doktor tersebut mengatakan kepada Jusoh bahawa anaknya merupakan seorang Khunsa dan mempunyai organ dalaman wanita. Bukan itu sahaja, doktor tersebut juga menasihati Jusoh untuk membawa anaknya berjumpa pakar di hospital. Berdasarkan peristiwa tersebut, jelaslah menunjukkan bahawa Wan Jusoh masih tidak mempercayai qada' dan qadar akan kejadian anaknya itu dan beliau bertindak dengan lebih kasar dengan cara sanggup menumbuk muka doktor berkenaan sehingga terjatuh.

Aspek berkaitan kepercayaan terhadap qada' dan qadar juga dipaparkan melalui watak Che Khun ketika di asrama. Bukan hanya sekadar di rumah, di asrama juga Che Khun terpaksa melalui pelbagai dugaan dan canaran. Hal ini dikatakan sedemikian kerana pada suatu ketika, identiti Che Khun sebagai seorang khunsa telah diketahui oleh rakan-rakan sekolahnya. Perkara tersebut menyebabkan Che Khun semakin hilang kepercayaan kepada Allah sehingga beliau beranggapan bahawa Allah membencinya dan sengaja menjadikannya khunsa untuk menyiksa hidupnya.

Berdasarkan peristiwa tersebut, watak Che Khun jelas memperlihatkan bahawa dirinya terlalu penat dengan segala ujian dan dugaan yang Allah berikan kepadanya. Che Khun seolah-olah hilang pertimbangan terhadap Allah sehingga beliau beranggapan bahawa Allah bersikap tidak adil dengan dirinya. Selain itu, tindakan Che Khun tersebut menampakkan bahawa beliau seperti tidak mempercayai lagi terhadap qada' dan qadar yang ditetapkan oleh Allah.

Tambahan lagi, kepercayaan terhadap qada' dan qadar melalui drama ini dipaparkan melalui episod 20, iaitu ketika Cikgu Samsiah sendiri pergi ke rumah Wan Jusoh untuk berbincang dengan Wan Jusoh terhadap keadaan anaknya itu. Namun begitu, niat baik cikgu tersebut disambut buruk oleh Wan Jusoh. Hal ini dikatakan sebegitu kerana Wan Jusoh sempat berdebat dengan Cikgu Samsiah berkaitan keadaan yang menimpa Che Khun sehingga beliau bertindak melempang muka Cikgu Samsiah. Oleh itu, berdasarkan kejadian tersebut, jelas memperlihatkan bahawa Wan Jusoh masih bertegas dan berpegang teguh dengan pendiriannya yang menyatakan bahawa anaknya itu adalah anak lelaki. Bukan itu sahaja, kejadian tersebut juga sekali lagi memaparkan bahawa Wan Jusoh masih menggunakan cara kekerasan bagi mempertahankan pendapatnya itu.

Di samping itu, kepercayaan terhadap qada' dan qadar yang terdapat dalam drama *Khunsa* dibuktikan juga melalui watak Che Nisa. Perwatakan Che Nisa pada ketika itu memperlihatkan

bahawa beliau sekali lagi beranggapan bahawa Tuhan membencinya. Beliau menyatakan bahawa Tuhan sengaja membiarkan hidupnya terseksa selama ini. Oleh itu, berdasarkan tanggapan yang dibuat oleh Che Nisa itu sendiri, beliau bertindak meninggalkan solat dan tidak melakukan segala suruhan-suruhan Allah. Perbuatan Che Nisa tersebut seolah-olah beliau merajuk dengan Allah dan tidak mempercayai qada' dan qadar Allah.

Melalui kejadian tersebut, ia menunjukkan bahawa Che Nisa benar-benar takut jika kepercayaan sekali lagi dihampakan oleh Allah. Beliau juga berfikir bahawa Allah tidak pernah bersikap adil terhadap semua takdir-takdir yang pernah dilaluinya selama ini. Oleh itu, berdasarkan tanggapan tersebut, Che Nisa seakan-akan hilang kepercayaan kepada qada' dan qadar Allah.

Kepercayaan Terhadap Qada' dan Qadar Mengikut Kategori (Kanak-kanak, Remaja dan Dewasa)

i. Fasa kanak-kanak

Terdapat sebanyak tiga contoh kejadian yang terdapat dalam drama ini yang memaparkan aspek kepercayaan terhadap qada' dan qadar semasa fasa kanak-kanak. Contoh-contoh tersebut diperlihatkan melalui beberapa watak seperti watak Wan Jusoh, Munah dan Che Midah. Kesemua watak tersebut memperlihatkan dan membuktikan kepercayaan terhadap qada' dan qadar semasa fasa kanak-kanak melalui drama *Khunsa*.

Umum mengetahui bahawa Che Midah merupakan anak Wan Jusoh yang masih tidak boleh menerima ketentuan qada' dan qadar terhadap pemergian ibunya. Che Midah bukan sahaja menyalahkan Che Khun sebagai punca kematian ibunya, malah turut menyimpan dendam terhadap bayi tersebut. Hal ini dikatakan sedemikian kerana beliau sanggup mendoakan keburukan kepada Che Khun. Bukan itu sahaja, kebencian Che Midah juga diperlihatkan ketika mereka sedang makan bersama iaitu ketika Che Midah menjawab soalan daripada ayahnya berkaitan kematian emak mereka. Kejadian saling berbalas mulut tersebut menyebabkan berlakunya perbalahan atau perdebatan antara dua beranak itu. Kejadian ini dibuktikan melalui episod dua petikan dialog berikut.

WAN JUSOH:

Angah, abah dengan along tanya, tak boleh nak jawab elok-elok?

CHE TIMAH:

Buat apa nak jawab elok-elok, Emak dah mati pun. Emak mati disebabkan budak tak guna dalam bilik tu, patutnya dia yang mati bukan emak!

(Drama *Khunsa*, 2024:28:00)

Berdasarkan petikan dialog tersebut, jelas memperlihatkan Che Timah yang bertindak berani dengan cara menyatakan perasaan marahnya terhadap kelahiran adiknya itu. Tindakan beraninya itu menyebabkan beliau ditampar oleh ayahnya. Oleh itu, jelaslah bahawa berdasarkan kejadian berkenaan, watak Che Midah jelas mempakan bahawa dirinya masih tidak boleh menerima takdir atas kematian emaknya tujuh tahun yang lalu.

Selain itu, watak Wan Jusoh juga memperlihatkan perwatakan seorang manusia yang tidak boleh menerima qada' dan qadar. Hal ini kerana Wan Jusoh masih tetap bertegas dengan

pendiriannya untuk membawa anaknya ke negara Thailand untuk menjalani pembedahan plastik. Kejadian ini dibuktikan apabila Wan Jusoh pergi ke Thailand untuk berjumpa dengan pakar bedah plastik menerusi dialog yang terdapat dalam episod dua:

WAN JUSOH:

Please Dr, make my son boy, please, please, please...

(Drama *Khunsa*, 2024:05:00)

Berdasarkan dialog tersebut, ia memaparkan watak Wan Jusoh meminta pertolongan doktor pakar berkenaan untuk membedah dan menukar jantina bayinya itu. Oleh hal demikian, jelaslah bahawa Wan Jusoh merupakan seorang ayah yang pentingkan diri. Bukan itu sahaja, beliau juga seolah-olah tidak mempercayai akan ketentuan takdir dan qada' dan qadar dengan cara bertindak sedemikian seakan-akan cuba mengambil alih kerja Tuhan.

Seterusnya, peristiwa lain yang memaparkan kepercayaan terhadap qada' dan qadar dilihat melalui watak Munah yang merupakan isteri kepada Wan Jusoh. Umum mengetahui bahawa Munah merupakan seorang isteri yang solehah dan baik. Hal ini diperlihatkan apabila pada suatu malam ketika Wan Jusoh sedang tidur di dalam keretanya, Munah muncul ke dalam mimpi beliau dan menasihati Wan Jusoh agar tidak menukar jantina anaknya itu dan membiarkan anaknya sendiri menentukan jalan hidupnya apabila besar nanti. Dialog ini diperlihatkan dalam episod satu drama *Khunsa*:

MUNAH:

Ajal Munah tu kan ketentuan Allah. Macam anak kita ni abang, ini kan ketentuan Allah. Munah tak kisah anak kita lelaki ke perempuan. Tapi, apa yang Munah kisah adalah kebahagiaan dia. Tapi macam mana dia nak bahagia belum apa-apa lagi kita dah tentukan masa depan dia dengan benda yang kita sendiri pun tak tahu abang. Abang tak rasa yang kita zalim ke dengan anak kita?

(Drama *Khunsa*, 2024:40:00)

Petikan dialog tersebut memaparkan bahawa Munah merupakan seorang watak yang menerima ketentuan qada' dan qadar Allah melalui percakapannya yang menyatakan berkenaan ketentuan ajalnya. Bukan itu sahaja, berdasarkan nasihat Munah kepada suaminya itu, ia memperlihatkan bahawa Munah menerima seadanya keadaan zuriat yang dikurniakan dan dipertanggungjawabkan oleh Allah ke atas dirinya itu tanpa menyalahkan takdir.

ii. Fasa Remaja

Terdapat tiga contoh dan kejadian yang terdapat dalam drama *Khunsa* yang memaparkan aspek kepercayaan terhadap qada' dan qadar semasa fasa remaja. Contoh-contoh tersebut dipaparkan melalui beberapa watak seperti watak Che Khun, Wan Jusoh dan Cikgu Samsiah. Kesemua watak tersebut memainkan peranan dalam membuktikan kepercayaan terhadap qada' dan qadar semasa fasa remaja menerusi drama ini.

Watak Wan Jusoh memperlihatkan perwatakan seorang manusia yang sukar untuk mempercayai qada' dan qadar. Hal ini dikatakan sedemikian kerana Wan Jusoh seakan-akan tidak percaya terhadap qada' dan qadar apabila beliau bertindak menumbuk muka seorang dokter yang telah memberi rawatan kepada Che Khun. Bukan itu sahaja, dokter tersebut juga menasihati Jusoh untuk membawa anaknya berjumpa pakar di hospital.

Berdasarkan kejadian tersebut, jelas menunjukkan bahawa Wan Jusoh masih tidak mempercayai qada' dan qadar akan kejadian asal anaknya itu. Malahan Wan Jusof bertindak dengan lebih kasar dan berani iaitu dengan cara menumbuk muka dokter berkenaan sehingga dokter itu terjatuh. Oleh itu, nyatalah bahawa perwatakan Wan Jusoh menggambarkan perwatakan manusia yang menindakkan ujian Allah dengan cara mengenepikan fakta daripada orang lain meskipun fakta berkenaan adalah betul.

Selain itu, kepercayaan terhadap qada' dan qadar juga dipaparkan melalui watak Che Khun ketika di asrama. Hal ini dikatakan sedemikian kerana ketika di asrama identiti Che Khun sebagai seorang Khunsa telah diketahui oleh pelajar lain disebabkan oleh perbuatan jahat Azlan dan kawan-kawannya yang bersubahat dengan Cik Ton untuk cuba mengaibkan Che Khun. Justeru, kejadian tersebut menyebabkan Che Khun semakin hilang kepercayaan kepada Allah. Kejadian ini dapat dilihat melalui dialog Che Khun dengan Cikgu Samsiah melalui episod 19:

CIKGU SAMSI AH:

Che Khun, cikgu faham semua kekecewaan yang awak tanggung selama ini, semua cikgu faham. Tapi, cikgu nak awak ingat satu benda. Apa pun yang terjadi dekat kita, apa pun semuanya ada hikmahnya. Mungkin Tuhan tu sengaja je nak...

CHE KHUN:

Tuhan sengaja? Maksud cikgu, tuhan sengaja menjadikan saya mangsa untuk diseksa

CIKGU SAMSI AH:

Tak, tak, bukan itu maksud cikgu

CHE KHUN:

Habis itu apa maksud cikgu? Cikgu tahu tak perasaan saya sekarang ini, seolah-olah macam tuhan benci saya macam mana bapak saya benci saya. Saya dicipta hanya untuk dibenci dan dihina ke? Cikgu tahu tak perasaan seorang anak apabila bapaknya sendiri benci dan jijik untuk pandang muka saya waktu makan. Sampai sekarang saya ingat, sampai mati saya akan ingat. Saya nak tanya cikgu, adil ke semua ni untuk saya?

(Drama *Khunsa*, 2024:35:00)

Melalui dialog berkenaan, watak Che Khun jelas memaparkan bahawa beliau seolah-olah hilang pertimbangan terhadap Allah sehingga beliau beranggapan bahawa Allah bersikap tidak adil dengan dirinya. Bukan itu sahaja, tindakan Che Khun tersebut menampakkan bahawa beliau seperti tidak mempercayai lagi terhadap qada' dan qadar yang ditetapkan oleh Allah sehingga sanggup bersangka buruk dengan ketentuan Allah terhadap dirinya.

Seterusnya, kepercayaan terhadap qada' dan qadar melalui drama ini dipaparkan menerusi watak Cikgu Samsiah. Setelah mengetahui perkara yang sebenar berkaitan jantina dan status Che Khun, Cikgu Samsiah bertindak memberanikan diri pergi ke rumah Wan Jusoh bagi berbincang dengan Wan Jusoh berkaitan kejadian yang telah berlaku di sekolah melibatkan Che Khun terumanya berkaitan maruah remaja itu. Namun begitu, kehadiran Cikgu Samsiah ke rumah berkenaan mengundang pergaduhan dan perdebatan yang semakin serius. Kejadian ini dibuktikan pada episod 20, drama *Khunsa*.

Berdasarkan kejadian tersebut, jelas memperlihatkan bahawa Wan Jusoh tetap berpegang teguh dengan pendiriannya yang menyatakan bahawa Che Khun adalah anak lelakinya dan bukan Khunsa. Selain itu, beliau juga sekali lagi menggunakan kekerasan bagi mempertahankan hujahnya sehingga sanggup memukul wanita seperti Cikgu Samsiah. Perbuatan tersebut jelas memperlihatkan bahawa perwatakan Wan Jusoh merupakan seorang lelaki yang ego dan panas baran. Oleh itu, nyatalah bahawa pada episod berkenaan diperlihatkan perwatakan manusia yang degil dan menidakkan ujian Allah kepada dirinya.

iii. Fasa Dewasa

Terdapat satu sahaja contoh dan kejadian dalam drama ini yang memaparkan aspek kepercayaan terhadap qada' dan qadar semasa fasa dewasa. Contoh tersebut diperlihatkan melalui watak Che Nisa. Watak tersebut memperlihatkan dan membuktikan kepercayaan terhadap qada' dan qadar semasa dewasa yang terdapat dalam drama *Khunsa*.

Kepercayaan terhadap qada' dan qadar yang terdapat dalam drama *Khunsa* diperlihatkan melalui watak Che Nisa. Perwatakan Che Nisa memperlihatkan bahawa beliau masih beranggapan bahawa Tuhan tetap membencinya. Beliau bertindak meninggalkan solat dan meninggalkan segala suruhan Allah. Perbuatan Che Nisa tersebut seolah-olah beliau tidak mempercayai qada' dan qadar Allah. Perbuatan ini dilihat melalui dialog Che Nisa pada episod 21:

CHE NISA:

Awak tahu tak saya tertanya-tanya kenapa semua orang benci akan saya? Termasuk Tuhan. Tuhan juga benci akan saya. Tuhan seolah-oleh sengaja biarkan hidup saya tersiksa dengan takdir yang macam ini. Dari kecil sampai sekarang tak pernah sekali pun Tuhan bagi saya peluang rasa bahagia. Jadi, sekarang awak fahamkan kenapa saya tak solat? Walaupun saya mengaku saya Islam. Bukan sebab saya sengaja nak runtuhkan tiang agama saya. Tapi lebih kepada saya takut, kalau saya sembahyang kalau saya berdoa, Tuhan akan terus menyiksa hidup saya. Jadi, sebelum fikiran saya bertambah rosak dengan bersangka buruk kepada Dia macam itu. Saya ambil keputusan berhenti solat, berhenti berdoa dan berhenti mengharap kepada Dia. Biarlah dengan sisa iman yang ada ini, saya cuma salahkan diri saya yang tak solat. Bukan walaupun saya solat dan berharap pada Dia, tapi Dia tetap tak makbulkan doa saya. Saya takut saya makin benci pada Dia, Mei.

(Drama *Khunsa*, 2024:39:00)

Berdasarkan kata-kata yang diucapkan oleh Che Nisa terhadap Mei Yin dalam dialog tersebut, ia menyatakan bahawa beliau berfikir dan beranggapan bahawa Allah tidak pernah bersikap adil terhadap takdir-takdir yang dilaluinya sepanjang hidupnya. Oleh itu, berdasarkan tanggapan tersebut, beliau menjadikan dirinya semakin hilang kepercayaan kepada qada' dan qadar Allah dan bersangka buruk dengan Allah seperti menyalahkan perkara-perkara yang berlaku di dalam hidupnya adalah sebagai seksaan daripada Allah.

KESIMPULAN

Tuntasnya, setiap perkara yang ditetapkan kepada umat Islam adalah takdir Allah yang merupakan satu ujian. Melalui ujian tersebut, diperlihatkan sejauh mana ketakwaan dan keimanan seseorang umat Islam terhadap Allah. Bukan itu sahaja, setiap ujian yang diturunkan tidak hanya kepada manusia yang sedang diuji, akan tetapi juga untuk masyarakat sekeliling. Oleh itu, sebagai seorang muslim, seseorang itu harus berpegang teguh kepada Al-Quran dan As-Sunnah dan beriman dengan rukun iman seperti mempercayai qada' dan qadar Allah supaya seseorang umat Islam itu berjaya mengharungi cabaran di dunia dan cemerlang di akhirat. Bukan itu sahaja, perbincangan yang diterapkan dalam drama ini juga memberi gambaran tentang realiti sebenar kehidupan masyarakat Melayu yang beragama Islam tentang pengangan mereka terhadap akidah Islam terutama apabila berhadapan dengan sesuatu isu yang luar daripada kebiasaan seperti berkaitan isu khunsa.

RUJUKAN

- Amirul Hisyam Mohd Suhaimin. 2023. Tesis Aspek Dakwah Drama Nur Karya Shahrulezad Mohameddin. *Tesis Ijazah Sarjana Muda Sastera yang tidak diterbitkan*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Asian Academy Creative Awards. 2024. Dirujuk pada 9 April 2024 dari <https://www.asianacademycreativeawards.com/>
- Azean Idruwani Idrus & Iffah Sakinah Othman. 2023. Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam Filem Mat Kilau Menerusi Pendekatan Dakwah. *E-jurnal Bahasa dan Linguistik*, 5(2): 26828987.
- Che Abdullah Che Ya. 2018. Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*, Vol 17 No 2, 328-342.
- Che Abdullah Che Ya & Hanapi Dollah. 2012. Persoalan Islam dalam Karya Mana Sikana: Analisis Syajar dan Apa-apa. *Jurnal Melayu*, Vol 9, 215-226.
- Georgie Joseph. 2024. Demi Drama Khunsa, Shahrulezad Akur Kerap Turun Naik Jakim, Harian Metro. Dirujuk pada 10 April 2024 dari <https://www.hmetro.com.my/amp/rap/2024/02/1060833/demi-drama-khunsa-shahrulezad-akur-kerap-turun-naik-jakim>
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2013. Cetakan Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad al-Ghazali. 1979. *Al-Aqidah al-Islamiyyah*. Lubnan, al-Maktabah al-Taufiqiyyah
- RoZIAH Adama & Mas Rynna Wati Ahmad. 2017. Komunikasi Pelanggaran Adab: Satu Analisis Konsep Adab Al-Attas dalam Drama Ayam Jantan Ayam Betina. *Jurnal Melayu*, Isu Khas, 376-390.
- Shahdan. 2022. Beza Qada' dan Qadar. Jabatan Mufti Negeri Terengganu. Diakses pada 10 September 2024, daripada <https://mufti.terengganu.gov.my/index.php/bayan-almunir/persoalan/434-beza-qada-dan-qadar>
- Tele Drama *Khunsa* (*Astro Ria*). 2024. Drama. Kuala Lumpur: Radius One Sdn. Bhd.

Wan Muhammad Nor Iman Baharin. 2022. Aspek Dakwah Dalam Skrip Tangan-Tangan yang Tinggal Karya Siti Jasmin Ibrahim. *Tesis Ijazah Sarjana Muda Sastera yang tidak diterbitkan*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Biodata Penulis:

Hafizul Ariff bin Abdul Rahan adalah pelajar Ijazah Sarjana Muda Sastera (Persuratan Melayu) di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nur Afifah Vanitha Abdullah (PhD) adalah Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau adalah pengajian seni persembahan dengan fokus kepada bidang drama dan teater. Beliau turut mendokumentasi ilmu dalam bidang kebudayaan Melayu.